

**DR ALI SHARIA'TI: ARKITEK REVOLUSI IRAN 1979**

**NOR ASHIKEN BINTI ISMAIL**

**HA2006-1057**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS  
SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM SEJARAH  
SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2008/2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017105



183368

PUMS99:1

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: DR Ali SHARIA 'I: ARKITEK REVOLUSI IRAN 1979

IJAZAH: SERJANA UDARA SAINS SOSIAL

SAYA NOR ASHIKAH BINTI ISMAIL SESI PENGAJIAN: 2009  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

EN. MD. SHAUKHFI

Nama Penyelia

Alamat Tetap:

Tarikh: 12/05/09

Tarikh: 12/05/09

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017105

 PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

 UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri, dan sebarang rujukan telah saya nyatakan akan sumbernya.

Tandatangan,

---

**(NOR ASHIKEN BINTI ISMAIL)**

**HA2006-1057**

**PROGRAM SEJARAH**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**


**SESI 2008/2009**



**UMS**

## DIPERAKUKAN OLEH

### 1. PENYELIA

.....  
  
-----  
**(EN. MOHAMAD SHAUKHI BIN MD RADZHI)**

### 2. PENYELIA KEDUA

.....  
-----  
**(EN. ZAINI BIN OTHMAN)**



**UMS**

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini pada masa yang ditetapkan. Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa bantuan dari semua pihak. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya Encik Mohamad Shaukhi Bin Md. Radzhi yang selama ini banyak bersabar dengan karenah saya dalam memberikan bimbingan serta tunjuk ajar untuk saya menyiapkan kajian ini.

Juga tidak dilupakan buat ibu tersayang, Shamsiah Binti Jusoh yang tidak pernah jemu memberi sokongan dan juga untuk arwah bapa, Allahyarham Ismail Mat Yahya yang banyak memberi kekuatan kepada saya dalam menjalani hidup selama ini. Tidak dilupakan untuk semua adik-beradik yang sentiasa memberikan dorongan untuk saya menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada pihak perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Sejarah Universiti Malaya serta Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah sendiri yang telah membekalkan maklumat dan menyumbangkan bahan terhadap kajian saya.

Tidak dilupakan buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu terutamanya Nor Azlina Ab. Malek, Adi Bin Yusuf dan Ahmad Helmi Mukthar yang selama ini banyak memberi kata-kata semangat untuk saya menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas jasa kalian. Akhir sekali, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan kajian saya.



## ABSTRAK

Kajian ini secara keseluruhannya membicarakan mengenai seorang tokoh intelektual Islam Iran iaitu Dr Ali Sharia'ti yang dilihat sebagai individu terpenting dalam sejarah kebangkitan rakyat Iran sewaktu Revolusi Islam 1979. Idea serta pemikiran beliau yang mana berasaskan Islam dilihat telah berjaya memberikan satu asas penting untuk kebangkitan satu revolusi rakyat. Kritikan serta pandangan yang diutarakan terhadap aspek-aspek tertentu seperti kepentingan untuk kembali kepada Islam dilihat berjaya menyedarkan rakyat untuk kembali kepada asas sebenar Islam yang berperanan sebagai panduan utama dalam kehidupan. Sharia'ti juga telah berjaya mewujudkan satu gabungan idea yang menggabungkan Islam dan juga falsafah-falsafah Barat untuk mewujudkan satu mekanisme untuk digunakan rakyat Iran dalam Revolusi 1979.



## KANDUNGAN

LAMAN JUDUL	Muka Surat
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DIPERAKUKAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>ix</b>

### **BAB 1            ALI SHARIA'TI: RINGKASAN PERJUANGAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Kemunculan Golongan Intelektual Islam Iran	3
1.3 Ali Sharia'ti: Latar Belakang Perjuangan Awal	6
1.4 Pendidikan di Perancis: Pengaruh Kepada Pemikiran Ali Sharia'ti	9
1.5 Perjuangan Keadilan Di Iran	13
1.6 Ideologi Revolusi	16
1.6.1 Identiti Ideologi Ali Sharia'ti	17
1.7 Rumusan	26



**BAB 2 ISLAM SEBAGAI ASAS IDEOLOGI**

2.1 Pengenalan	27
2.2 Pandangan Sharia'ti Terhadap Pembentukkan Sesuatu Ideologi	29
2.3 Ideologi Islam Menurut Pandangan Ali Sharia'ti	34
2.4 Kembali Islam Sejati: Pentafsiran Semula Menurut Sharia'ti	36
2.5 Tauhid Sebagai Asas Pemikiran Sharia'ti	42
2.6 Kaedah Rasulullah Sebagai Asas	45
2.7 Rumusan	49

**BAB 3 KRITIKAN SHARIA'TI TERHADAP GOLONGAN ULAMA**

3.1 Pengenalan	51
3.2 <i>Syiah Alavite</i> dan <i>Syiah Safavid</i> : Satu Perbandingan	54
3.3 Pertentangan Prinsip Asas Syiah	56
3.4 Kritikan Sharia'ti Terhadap Ulama	62
3.5 <i>Rausyanfikr</i>	69
3.5.1 <i>Raunsyanfikr</i> : Dari Sudut Pandangan Sharia'ti	70
3.6 Rumusan	72

**BAB 4 KRITIKAN DR ALI SHARIA'TI TERHADAP IDEOLOGI BARAT**

4.1 Pengenalan	74
4.2 Pengenalan Pengistilahan <i>Westoxication</i>	75
4.2.1 <i>Westoxication</i> Dalam Masyarakat Iran	76
4.3 Pandangan Sharia'ti Terhadap <i>Westoxication</i>	81



4.4	Pandangan Sharia'ti Terhadap <i>Marxisme</i>	84
4.4.1	Kritikan Sharia'ti Terhadap <i>Marxisme</i>	85
4.4.2	Kritikan Sharia'ti Terhadap Parti Tudeh	90
4.4.3	Antara <i>Westoxication</i> dan <i>Marxisme</i>	93
4.5	Rumusan	97

**BAB 5**

<b>RUMUSAN</b>	<b>98</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>105</b>



## SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1.1	Dr Ali Sharia'ti	7
Gambar 1.2	Hoseniyeh Ershad	16
Gambar 1.3	Ali Shara'ti Bersama Bapa Beliau, Taqi Sharia'ti	23
Gambar 1.4	Kubur As-Syahid Ali Shara'ti	25
Gambar 2.1	Karya Shara'ti, Hajj	46
Gambar 2.2	Sharia'ti Menunaikan Fardu Haji.	48
Gambar 3.1	Ayatollah Khomeini	68
Gambar 4.1	Muhammad Reza Pahlavi (Shah Iran)	80
Gambar 4.2	Sharia'ti Menyampaikan Ceramah	85
Gambar 4.3	Sharia'ti Bersama Pelajarnya di Universiti Mashad	86
Gambar 5.1	Photo Sharia'ti Dan Ayatollah Khomeini Sewaktu Revolusi	102
Gambar 5.2	Photo Sharia'ti Dalam Satu Protes Pelajar.	103



## BAB1

### **DR ALI SHARIA'TI: RINGKASAN PERJUANGAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Revolusi Islam Iran yang tercetus pada tahun 1979 telah memperlihatkan satu revolusi yang dimanifestasikan oleh semangat rakyatnya sendiri tanpa wujud pergantungan daripada dunia luar. Pergantungan di sini ialah revolusi ini tidak perlu untuk memaksa para pelakunya yakni rakyat Iran untuk meletakkan diri mereka di bawah dua kuasa utama iaitu Amerika Syarikat mahupun Soviet. Revolusi yang berjaya menumbangkan dinasti Pahlavi di bawah pemerintahan Muhammad Reza Shah telah berjaya menyatukan seluruh rakyat Iran dari segenap sudut dan lapisan masyarakat. Gandingan jitu serta bersepada yang dipimpin oleh Ayatollah Khomeini<sup>1</sup> telah berjaya mewujudkan satu ikatan yang kukuh dengan semangat mahu menyingkirkan satu pemerintahan yang dianggap sebagai boneka Barat. Selain itu, revolusi ini juga telah mampu untuk mengembalikan semangat Islam sehingga terbentuknya satu pemerintahan Islam melalui penubuhan Republik Islam Iran pada 1979. Kejayaan revolusi ini biasanya dikaitkan dengan keberkesanan golongan ulama dalam memimpin rakyat untuk bangkit menentang.

---

<sup>1</sup> Ayatollah Khomeini lahir di Khomein pada 24 Oktober 1902. Berasal dari Sayyid Musawi, keturunan Nabi Muhammad s.a.w melalui jalur Imam ke-7 Syiah iaitu Musa Al-Kazhim. Merupakan pemimpin pertama Republik Islam Iran selepas berlakunya revolusi. Pernah dibuang negeri oleh Shah Iran ke Iraq dan Paris akibat dari penentangan keras beliau terhadap dasar-dasar Shah Iran. Untuk keterangan lanjut sila rujuk karya Ali Rahnema, 1994, Para Perintis Zaman Baru Islam, hlm.69.

Namun, Revolusi Iran 1979 sebenarnya bukan sekadar berdiri di atas kaki golongan ini sahaja, sebaliknya akar yang menjadi tunjang kepada kewujudan semangat ini turut di ilhamkan oleh satu pihak lain. Perjuangan revolusi yang dilihat begitu tersusun dan jitu ini dibangunkan oleh satu asas yang jika difahami sebenarnya telah diaspirasikan oleh mereka yang berjaya menggunakan idea-idea serta pemikiran yang didasarkan kepada prinsip-prinsip Islam. Islam telah berjaya menjadi pendorong semangat untuk mewujudkan kesedaran dalam masyarakat Iran yang mana ketika itu kelihatan begitu tidak berupaya untuk melahirkan satu penentangan yang baik dan tersusun dalam menghadapi penindasan yang dilakukan oleh pemerintah. Golongan yang dimaksudkan ialah satu golongan yang digelar sebagai golongan intelektual yang mana telah membawakan satu ideologi yang meletakkan Islam sebagai asas utama yang melatari pemikiran serta perjuangan mereka. Apa yang membezakan di antara Revolusi Islam Iran dengan semua bentuk revolusi di dunia ialah revolusi ini tidak mempedulikan usaha untuk meminta bantuan dari kedua-dua pihak. Revolusi Iran dengan apa cara sekalipun dilihat cuba mengelak untuk meminta bantuan daripada mana-mana pihak sama ada Amerika Syarikat mahupun Soviet Union.

Kecenderungan ini dilihat banyak dicorakkan serta disumbangkan oleh golongan intelektual yang melihat Islam tidak memerlukan mana-mana sokongan untuk melaksanakan kebangkitannya dalam melawan satu sistem yang penuh dengan penyelewengan dari nilai-nilai Islam. Kemunculan golongan intelektual Islam telah memberikan satu nafas baru terhadap pemikiran masyarakat Iran dan Islam amnya dalam mewujudkan satu tapak yang kukuh dalam menjelmakan kebangkitan rakyat sewaktu Revolusi 1979. Tokoh intelektual Iran yang dilihat sebagai arkitek utama kepada kejayaan menumbangkan pemerintahan Muhammad Reza Pahlavi merupakan

seorang individu yang mempunyai pemikiran yang cukup kreatif dan istimewa. Seorang individu yang masih dikenang sebagai seorang tokoh intelektual paling berkesan dalam dunia Islam iaitu As-Syahid Dr Ali Sharia'ti Muhammad Taqi Sharia'ti.

## **1.2 KEMUNCULAN AWAL INTELEKTUAL ISLAM IRAN**

Sebelum kita menelusuri perjuangan serta memahami idea serta pemikiran beliau, eloklah sekiranya kita memahami dahulu berkenaan bagaimana munculnya golongan intelektual Islam Iran. Golongan manakah yang dirujuk sebagai intelektual Islam? Apa yang membezakan golongan ini dengan para intelektual agama yang lebih biasa dipanggil sebagai golongan agama atau para *mullah*.

Bermula dari tahun 1960-an, kelihatan telah muncul golongan intelektual yang cenderung dipengaruhi oleh politik berasaskan Islam yakni Syiah. Nama-nama seperti Jalal Al-Ahmad<sup>2</sup>, Banisadr<sup>3</sup>, dan Ali Sharia'ti yang mana mula menonjol dengan idea masing-masing. Walaupun mempunyai kepelbagaian pandangan serta idea, apa yang penting ialah mereka berkongsi pegangan yang sama yakni Islam merupakan satu medium yang mengandungi ramuan cukup lengkap dalam usaha menghadapi satu

---

<sup>2</sup>Seorang intelektual yang menunjukkan transformasi sendiri dalam perjuangannya. Bermula dengan pegangan komunis, kemudian sosialis dan akhirnya kembali kepada Shi'isme. Beliau lahir di Qazvin pada 1923 dalam sebuah keluarga kuat beragama. Pernah menyertai Parti Tudeh sebelum keluar pada tahun 1947 akibat pertentangan pendapat mengenai beberapa polisi yang dijalankan Stalin. Untuk keterangan lebih lanjut mengenai Jalal Al-e Ahmad sila rujuk buku Mehran Kamrara, 1990, *Revolution in Iran: The Roots of Turmoil*, New York, hlm 68.

<sup>3</sup>Seperti mana al-ahmad, Banisadr mendapat pendidikan di Perancis. Lahir pada 1933 di Hamadan, beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Tehran. Bergerak ke Perancis pada tahun 1962 dalam menjalankan aktiviti penentangan terhadap regim Shah. Antara karya beliau yang terkenal ialah *The Manifesto of The Islamic Republic* yang ditulis pada tahun 1971. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Mehran Kamrara, 1990, *Revolution in Iran: The Roots of Turmoil*, New York, hlm 76.

pemerintahan yang korup serta penuh dengan penindasan dan penyelewengan. Golongan intelektual Islam telah dilihat berjaya memainkan peranan mereka di samping kesinambungan usaha yang dilakukan oleh para ulama. Pemikiran serta idea yang diutarakan kepada masyarakat dengan menggunakan pendekatan sendiri berjaya membangkitkan kesedaran rakyat untuk bangun sekaligus menumbangkan pemerintahan regim Pahlavi<sup>4</sup> yang penuh dengan penyelewengan. Individu utama yang dilihat sebagai perancang utama semangat kebangkitan ini ialah Dr Ali Shariati.<sup>5</sup>

Intelektual Islam dalam konteks Iran dilihat lebih merujuk kepada satu golongan yang mana menerima unsur pendidikan Barat dalam kehidupan mereka dan dalam masa yang sama tidak meninggalkan asas prinsip Islam dan Syiah dalam melahirkan idea-idea serta pemikiran. Mereka menggabungkan falsafah-falsafah pemikiran Barat dengan prinsip-prinsip Syiah dalam menyampaikan pandangan mereka kepada rakyat. Ini berbeza dengan intelektual sekular yang mana dilihat telah menjadikan agama sebagai salah satu unsur sampingan dalam menjalankan tanggungjawab keintelektualan mereka. Golongan ini biasanya lebih menjadi agen propaganda Barat dalam usaha

<sup>4</sup>Nama Pahlavi berasal daripada perkataan Persia dan digunakan sebelum abad ke 7 sewaktu berlakunya penjajahan Arab. Ia membawa maksud 'Heroic' atau kepahlawan. Reza Shah cuba untuk mengembalikan unsur kepewiraan bangsa Persia ini melalui pemerintahan dengan melakukan pelbagai pembaharuan seperti modernisasi yang dilakukan dengan menyingkirkan unsur-unsur tradisi yang dirasakan banyak dipengaruhi unsur Arab dan Islam yang dirasakan menghalang kepada pembangunan. Beliau juga telah cuba mewujudkan negara beraja dan dengan monarki sebagai kuasa pusat yang kuat. Secara ekonomi pula, Reza Shah dilihat mahu sumber-sumber minyak Iran yang dijumpai pakar geologi British pada 1908, sebagai industri baru yang menjadi sumber utama dalam pembangunan ekonomi dengan menggantikan aktiviti tradisi seperti pertanian dan kraftangan. Dari aspek sosial pula, Reza Shah cuba untuk melaksanakan pelbagai inovasi dalam usahanya untuk merujuk Persia sebagai Iran. Sila rujuk buku Robin Wright, *In The Name Of God: The Khomeini Decade*, London, hlm 43.

<sup>5</sup>Mehran Kamrara, 1990, *Revolution in Iran: The Roots of Turmoil*, New York: Routledge, hlm. 66-67.

mempengaruhi pemikiran rakyat di sebuah negara dengan penyebaran falsafah-falsafah pemikiran ala-Barat tanpa mempertimbangkan kepentingan serta kesesuaian idea-idea tersebut dengan nilai-nilai setempat Iran. Golongan inilah biasanya menunjukkan tentangan secara terbuka dengan golongan ulama melalui penolakan mereka terhadap unsur-unsur keislaman dalam pemerintahan. Sebolehnya mereka ingin memisahkan peranan agama daripada urusan pentadbiran negara.

Golongan intelektual Islam pula sebaliknya cuba untuk tidak memisahkan kepentingan serta keberkaitan agama dalam pencetusan pemikiran mereka. Islam dijadikan sebagai senjata utama untuk melakukan kritikan terhadap pemerintah. Kemunduran serta penindasan yang berterusan pemerintah terhadap rakyat jelata adalah disebabkan oleh wujudnya pengabaian terhadap kepentingan Islam itu sendiri. Dr Ali Shariati sendiri telah berusaha untuk menyedarkan rakyat Iran bahawa betapa pentingnya untuk kembali kepada landasan Islam yang sebenar dalam setiap idea yang beliau cetuskan.

### **1.3 ALI SHARIA'TI: LATAR BELAKANG SERTA PERJUANGAN AWAL**

Ali Sharia'ti dilahirkan di Azar iaitu satu wilayah yang dikenali sebagai Khurasan pada 23 November 1933 di dalam sebuah keluarga yang berpegang kuat dengan ajaran Islam. Bapa beliau, Muhammad Taqi Sharia'ti dikenali sebagai tokoh agama yang tinggi ilmunya dan merupakan takwil Al-Quran<sup>6</sup>. Pada umur yang masih muda, beliau telah mengikuti bapanya ke Mashad di mana dipercayai bapanya telah diberi tanggungjawab untuk mengajar di situ. Beliau juga telah menyambung pendidikan di Mashad<sup>7</sup> di mana di bawah pengajaran bapanya sendiri dan juga pemimpin-pemimpin agama yang lain. Dalam usia ini juga, Sharia'ti telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu-ilmu selain daripada yang berbentuk tradisional. Dengan asas yang diberikan oleh bapa beliau dan tenaga pengajar yang lain, Shariati cuba untuk mengembangkan arah baru dirinya dalam penuntutan ilmu selain ilmu berbentuk tradisional (Syiah) antaranya ilmu falsafah. Antara tokoh yang berjaya menarik minat Dr Ali Sharia'ti terhadap cabang ilmu ini ialah Abu Dharr al-Ghaffari yang mana telah menjadi antara penyumbang utama dalam penghasilan idea sepanjang perjuangan beliau. Selepas itu beliau seterusnya telah memasuki Kolej Latihan Perguruan yang baru ditubuhkan juga di Mashad, Tehran bagi menyambung pelajaran beliau ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>8</sup>


---

<sup>6</sup> Cabang ilmu berkenaan dengan aktiviti pentafsiran Al-Quran.

<sup>7</sup> Mashad merupakan pusat pembelajaran Islam yang utama dan paling efektif selepas Qum.

<sup>8</sup> Hamid Algar, 1983, *The Roots of The Islamic Revolution*, London: The Open Press, hlm. 73-74.

**Gambar1.1: Dr Ali Sharia'ti**



Sumber: <http://ahmadsamantho.files.wordpress.com/2008/04/ali-shariat.jpg>

Di Kolej Latihan Perguruan ini, beliau mula berhubungan serta bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat antaranya golongan muda yang datang dari kelas masyarakat bawahan. Di sini, buat pertama kalinya Sharia'ti memahami akan kemiskinan dan kesukaran yang dihadapi oleh masyarakat Iran ketika itu. Dalam masa yang sama juga beliau mula didedahkan dengan pelbagai cabang falsafah daripada Barat terutamanya, dan juga idea-idea politik yang mana menjadi unsur utama dalam penulisan beliau seperti konsep kolonialisma, dekolonialisma dan juga nasionalisma. Melalui penulisan awal beliau ini, Dr Ali Sharia'ti cenderung untuk menerangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam serta jalan penyelesaian yang

boleh diambil dalam menghadapi masalah tersebut. Bagi Dr Ali Sharia'ti, masalah ini boleh diselesaikan melalui satu penggunaan idea secara dinamik antara prinsip-prinsip utama tradisional yang terdapat dalam Islam dengan unsur konsep yang terdapat dalam falsafah dan sosiologi moden. Dinamik di sini bermaksud satu gabungan idea yang mampu untuk melahirkan satu pegangan prinsip yang mampu untuk memberikan makna kepada pengikutnya. Satu gabungan idea yang tidak membiarkan Islam maupun falsafah moden untuk bergerak sendiri dalam mencapai matlamatnya.

Di sini juga kelihatan Sharia'ti mendapat ilham serta dipengaruhi oleh tokoh-tokoh Islam seperti Maulana Rumi<sup>9</sup> dan juga Muhammad Iqbal<sup>10</sup>. Pada 1952, beliau telah berjaya menjadi seorang guru sekolah tinggi dan telah menubuhkan Persatuan Pelajar-Pelajar Islam yang mana telah membawa kepada penahanan kali pertama oleh pihak berkuasa terhadap beliau atas tuduhan terlibat melakukan demonstrasi menentang kerajaan. Selepas dibebaskan, Sharia'ti telah menerima Ijazah beliau daripada Universiti Mashad pada tahun 1955.

<sup>9</sup>Nama sebenar beliau ialah Jalaluddin Rumi (Jalal Al-Din Rumi). Dilahirkan pada 30 November 1207 M (6 Rabiulawal 604 H) dan meninggal dunia pada 17 Disember 1273. Merupakan seorang penyair sufi yang terkenal dengan karya-karya yang berjaya mempengaruhi serta memberi inspirasi kepada para sufisme lainnya lebih dari 100 tahun. Tarekat Maulawiyyah yang didirikan beliau telah memberikan pengaruh yang besar kepada kebudayaan Turki, semenjak pemerintahan Ummayyah hingga ke hari ini. Sila rujuk Ensiklopedi Tematis Spiritualitas Islam: Manifestasi. 1991. Seyyed Hossein Nasr. Penerbit Mizan. Bandung. Ms 141.

<sup>10</sup>Seorang tokoh falsafah yang lahir pada 9 November 1877 di Sialkot, Pakistan. Merupakan pemimpin utama dalam Liga Muslim India. Mencetuskan kebangkitan politik di kalangan umat Islam yang mana beliau telah mencadangkan kewujudan negara Muslim di Utara India. Hasrat beliau ini telah berjaya direalisasikan pada tahun 1947 dengan terbentuknya sebuah negara Pakistan selepas melalui pemisahan dengan India pada tahun 1947. Muhammad Iqbal meninggal dunia pada 21 April 1938.

#### **1.4 PENDIDIKAN DI PERANCIS: PENGARUH BARAT TERHADAP PEMIKIRAN ALI SHARI'ATI**

Selepas itu, Sharia'ti telah berkeputusan untuk menyambung pengajiannya di Sorbone, Paris pada tahun 1959. Maklumat mengenai pengajiannya di Perancis amat terhad dan tidak dapat dikaji secara mendalam. Ada sumber yang mendakwa bahawa di Paris, Sharia'ti belajar di bawah seorang professor sosiologi, iaitu George Gurvitch<sup>11</sup> untuk tempoh 5 tahun, dan beliau juga turut menjadi antara pelajar yang rapat dengan seorang Islamist, Louis Massingnon yang mana dipercayai tokoh inilah yang banyak memberikan inspirasi terhadap perjuangan beliau. Dalam pada itu juga, dipercayai bahawa Ali Sharia'ti berjaya mendapat sarjananya dalam 2 bidang iaitu sosiologi dan juga Sejarah Islam yang tertumpu kepada cabang falsafah Islam.

Adalah jelas di sini bahawa Sharia'ti menjalankan disertasinya dalam bahasa Parsi, maka dengan ini tidak hairanlah tumpuan penulisannya lebih melibatkan banyak perkara mengenai Islam itu sendiri. Lebih dari itu, beliau turut menjadikan tokoh-tokoh dari pelbagai bidang sebagai sumber inspirasi beliau seperti Saidina Ali r.a, Abu Dharr r.a, Pascal, Proudhon, Sartre dan ramai lagi dalam membentuk idea perjuangan beliau. Sewaktu di Perancis, beliau turut melibatkan diri dalam aktiviti persatuan pelajar sama ada yang berorientasikan politik mahupun sosial serta yang bersifat tempatan dan juga antarabangsa. Pada Ogos 1962, beliau telah dipilih sebagai editor bagi majalah *Iran-e*

---

<sup>11</sup>George Gurvitch dilahirkan pada tahun 1896 di Russia. Merupakan seorang ahli sosiologi yang banyak menghabiskan masa hidupnya di Perancis. Hasil-hasil karya beliau memberi pengaruh yang besar kepada pembangunan falsafah sosiologi di Paris dan juga Strasburg. Antara karya beliau yang diterjemah ke dalam bahasa Inggeris ialah *Sociology of Law* (1942) and *The Spectrum of Time* (1958). Gurvitch meninggal dunia pada tahun 1965. Dirujuk dari <http://www.encyclopedia.com/doc/1088-GurvitchGeorges.html>. diakses pada 15 Mei 2009.



Azad yang berpusat di Paris yang mana merupakan salah satu wadah utama perjuangan bagi Kofederasi Pelajar Iran.

Pada September 1962 juga Sharia'ti membantu dalam menubuhkan satu ruangan khas bagi penulisan asing mengenai Gerakan Pembebasan Iran (*Iranian Liberation Movement*). Di dalam penulisan beliau, Sharia'ti banyak mengkritik mengenai keadaan politik di Iran, dan pada 16 Januari 1963, beliau telah bertindak merancang satu penentangan secara kekerasan dalam melawan pemerintahan Shah. Beliau juga turut menyokong gerakan Revolusi Algeria dan disebabkan sokongannya terhadap Patrice Lumumba<sup>12</sup>, beliau telah menjalani tempoh tahanan pendek di penjara di Perancis. Dalam tempoh penahanan ini juga, Sharia'ti telah berusaha menterjemahkan hasil-hasil karya Frantz Fanon<sup>13</sup> dan juga salah satu karya Che Guevara yang bertajuk ***Guerrilla Warfare***.<sup>14</sup> Perjuangan anti penyelewengan dan juga penjajahan yang terdapat dalam karya-karya ini telah berjaya memberikan inspirasi yang tersendiri kepada Sharia'ti dalam melahirkan idea-idea anti-Barat dan juga anti-Shah di kalangan rakyat.

---

<sup>12</sup>Patrice Emery Lumumba dilahirkan pada 2 Julai 1925 dan merupakan seorang pejuang anti-kolonial Afrika. Perdana Menteri pertama Republik Congo yang dipilih setelah berjaya mendapatkan kemerdekaan negaranya dari Belgium pada 1960. Hanya selepas 10 minggu memerintah, kerajaan beliau telah ditumbangkan melalui satu rampasan kuasa. Beliau telah dipenjarakan dan meninggal dunia tidak lama selepas itu pada 17 Januari 1961. Dirujuk dari <http://www.answers.com/Patrice20%Lumumba>. Diakses pada 11 Mei 2009.

<sup>13</sup>Frantz Fanon berasal dari Kepulauan Martinique, lahir pada 20 Julai 1925 dan meninggal pada 6 Disember 1961. Merupakan seorang penulis serta pejuang revolucioner dan juga pemikir ulung abad ke-20 berkenaan isu dekolonialisasi dan telah berjaya menjadi sumber inspirasi para pejuang anti-kolonial di rantau Afrika dan Asia. Dirujuk dari <http://answers.com/Frantz20%Fanon>. Di akses pada 11 Mei 2009.

<sup>14</sup>Mehbi Abedi, 1986, *Ali Shariati: The Architect of the 1979 Islamic Revolution of Iran* vol 19. Taylor & Amp. Dirujuk dari <http://www.jstor.org/stable/4310540>. Diakses pada 29 April 2009.

Sebagai salah seorang pelajar di sekolah menengah, beliau telah menghadiri sesi pembelajaran di *Kanun-e Nashre-e Haqayeq-e Islami (Centre for the Propagation of Islamic Truth)* yang mana dinaungi oleh bapanya sendiri dan di sinilah beliau mula menjalankan aktiviti menterjemah buku-buku bahasa Arab ke dalam bahasa Parsi. Pada 1954, beliau telah menterjemahkan satu surat panjang yang dikirim oleh Allamah Muhammad Husayn Khasif al-Ghita kepada wakil Amerika Syarikat di Timur Tengah iaitu Gerald Ivans Hopkins yang mana isi kandungannya membincangkan mengenai kesedihan dunia Islam terhadap sikap penindasan Barat. Setahun kemudian, beliau menerbitkan hasil terjemahan buku yang dikenang oleh Abdul Hamid Jawdat al-Sahhars iaitu sebuah karya biografi mengenai Abudharr.<sup>15</sup> Di dalam buku ini, Jawdat menggambarkan Abu Dharr sebagai perjuang yang menentang penyalahgunaan dan penyelewengan Islam sewaktu zaman pemerintahan Bani Ummayah dan juga sebagai pelopor kepada pandangan Syiah terhadap unsur keadilan melawan ketidakadilan.<sup>16</sup> Sharia'ti memberikan tajuk *Khoda Parast-e Sosialist (The God-Worshipping Socialist)* kepada hasil terjemahnya ini yang mana telah menjadi sumber rujukan utama kepada organisasi-organisasi bawah tanah dan telah diterbitkan sebanyak beberapa kali. Dengan berinspirasikan ayat Quran 24:35<sup>17</sup> dan juga pengaruh doktrin Dr Mossadegh yang bertajuk *Morzaneh-e Manfi (Negative Balance)*, beliau telah

<sup>15</sup>Nama sebenar Abu Dharr ialah Jundub Ibn Junadah Ibn Sakan merupakan yang terawal antara individu terawal yang memeluk Islam berasal daripada keturunan Bani Ghafiri dan pengikut terdekat kepada Saidina Ali Abi Talib r.a. Dirujuk dari <http://www.Ghafarri.wiki.com>. Diakses pada 20 April 2009.

<sup>16</sup>Hamid Algar, 1983, *The Roots of the Islamic Revolution*, London: The Open Press, hlm 34. hlm. 74.

<sup>17</sup>Surah An-Nur yang menerangkan mengenai ketertinggian Al-Quran sebagai pemberi petunjuk serta pencerahan kepada umat manusia dalam menjalani kehidupan. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Tafsir Mahmud Yunus, Al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani, terjemahan Prof Dr Haji Mahmud Yunus, hlm. 517.

menghasilkan ***Maktab-e Vasateh (The Median School of Thought)*** yang mana berdasarkan kepada prinsip berikut, "Antara materialism dan idealism, Islam mempunyai kaedah utama yang tersendiri yang mana boleh dianggap bersifat realism.<sup>18</sup> Melalui prinsip ini juga dengan jelas kita dapat memahami bahawa, bagi Sharia'ti Islam merupakan asas serta senjata utama dalam melawan ketidakadilan serta penyelewengan yang berlaku dalam masyarakat Iran ketika itu.

Pemerintahan sosial dan ekonomi Islam ialah berdasarkan ***Khoda-Parasti (worship of God)*** iaitu membentuk sifatnya yang tersendiri antara pemerintahan kapitalisma yang cenderung ke arah unsur penyelewengan dan komunisma sebagai *Eshterakiyat-e Motlaq (absolute common ownership)* ataupun lebih bersifat kepada pemilikan mutlak. Orientasi politik Islam di peringkat antarabangsa pula yang mana melibatkan 2 blok utama iaitu di Timur (Soviet Union) dan satu blok lagi Barat (Amerika Syarikat) sewajibnya tidak menyebelahi mana-mana pihak kerana sifat Islam itu sendiri tidak relevan untuk berpihak kepada mana-mana blok antara kedua-dua kuasa ini.<sup>19</sup> Kedua-duanya secara terang-terangan bertentangan dengan prinsip yang di bawa oleh Islam secara keseluruhannya. Ini ditambah lagi dengan situasi yang ditunjukkan Iran pada ketika itu yang mana menjadi sasaran kepentingan kedua-dua belah pihak sama ada kapitalisma maupun komunisma. Keadaan yang wujud ini juga telah membawa kritikan Dr Ali Sharia'ti terhadap kedua-dua fahaman ini dalam setiap penulisan serta sesi cetusan pemikiran yang dijalankan beliau.

---

<sup>18</sup>Mehbi Abedi, 1986, *Ali Shariati: The Architect of the 1979 Islamic Revolution of Iran* vol 19. Taylor & Amp. Dirujuk dari <http://www.jstor.org/stable/4310540>. Diakses pada 29 April 2009.

<sup>19</sup>Ibid.



## 1.5 PERJUANGAN DI IRAN

Selepas beberapa lama berada di Perancis, Sharia'ti merasakan telah bersedia untuk kembali ke Iran. Di sini, beliau telah membangunkan satu rancangan yang praktikal untuk melakukan satu perubahan di Iran yang mana selepas itu kita dapat melihat bagaimana usaha yang diperjuangkannya melalui ideologi yang tersendiri telah mencapai kejayaan yang bukan sedikit. Halangan yang selama ini melingkungi serta memagari pemikiran umat Islam telah berjaya diruntuhkan sedikit demi sedikit, dan juga Islam telah muncul sebagai teras utama dalam sebuah ideologi yang membawa perubahan sosial, dan berjaya mewujudkan barisan kepimpinan yang baru berbeza daripada kepimpinan sebelumnya yang kelihatan tandus dalam memperjuangkan hak masyarakat. Barisan baru ini merupakan mereka yang mula sedar akan perlunya mengikis 'busut' yakni kemunduran dalam beragama yang mana dilihat diwujudkan oleh golongan ulama itu sendiri. Kemunduran sama ada dalam kaedah menyampaikan mahupun penerimaan terhadap ilmu-ilmu agama telah memperlihatkan bagaimana agama telah terpesong matlamatnya sebagai salah satu wadah yang penting dalam pembangunan umat. Agama ketika itu dilihat sebagai sesuatu yang menghalang kepada usaha untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan hasil daripada tindakan individu-individu yang memesongkan matlamat sebenar yang di bawa oleh Islam.

Menjelang sekembalinya beliau ke Iran pada 1964, Sharia'ti telah ditahan dan dipenjarakan untuk tempoh 6 bulan, sekali lagi atas tuduhan politik penentangan yang dilakukan beliau sewaktu di Paris. Beliau dipisahkan daripada keluarganya tanpa diberi peluang untuk bertemu dengan bapanya. Penahanan beliau ini menunjukkan bagaimana pihak kerajaan telah mengenal pasti Sharia'ti sebagai penentang utama, bukan hanya disebabkan oleh kegiatan politik dan penentangannya di luar negara. Lebih dari itu ialah

keupayaan Sharia'ti untuk mempengaruhi sebahagian besar rakyat Iran terutamanya para belia dan juga dimensi keintelektualan yang dimiliki beliau yang dilihat mampu mengancam serta membangkitkan penentangan rakyat terhadap pemerintahan kerajaan.<sup>20</sup>

Selepas pembebasan beliau, Sharia'ti memulakan sesi pengajaran beliau di sebuah sekolah tinggi di Mashad. Dalam pada itu, beliau berusaha untuk menerbitkan sebuah karya hasil terjemahannya berjudul *Salman Pak les Premices Sprituelle de l'Islam* yang ditulis oleh Louis Massingnon serta turut meninjau untuk mengisi jawatan sebagai pensyarah di Universiti Tehran. Namun kedua-dua hasratnya ini gagal dan Shariati telah kembali semula ke Mashad. Antara tahun 1966-1970, beliau telah diterima mengajar di Universiti Ferdowsi di Mashad dan di sinilah bintangnya mula menyinar di mana namanya mula menjadi sebutan bukan hanya di kalangan pelajar yang menerima kuliahnya, bahkan turut melibatkan lapisan masyarakat lain seperti para intelektual dan ulama progresif.<sup>21</sup>

Beliau telah memberi kuliah dan ceramah bukan hanya di universiti, malah turut melibatkan masjid-masjid dan juga pusat ilmu yang paling popular Hoseniyeh Ershad<sup>22</sup>,

<sup>20</sup>Hamid Algar, 1983, *The Roots of The Islamic Revolution*, London: The Open Press, hlm. 75.

<sup>21</sup>Mohsein Milani, 1994, *The Making of Islamic Revolution (from Monarchy to Islamic Republic*, Oxford: Westview Press, hlm. 82.

<sup>22</sup>Merupakan pusat utama dalam aktiviti penyebaran Islam. Nama Hoseiniyah bersempena dengan simbol perjuangan Hussein di Karbala. Ditubuh pada tahun 1970. Hosseiniyah Irshad yang berpusat di Tehran telah menjadi pusat pengumpulan utama para ulama dan intelektual dalam menjalankan kegiatan anti Muhammad Reza Shah. Hosseiniyah Ershad juga mengandungi banyak kemudahan awam lain seperti masjid, dewan orang ramai dan juga kelas-kelas pembelajaran khusus. Dirujuk dari <http://gadir.free.fr/eng/books/FatimaIsFatima.pdf>. Diakses pada 20 Mei 2009.

## BIBLIOGRAFI

a) **Buku:**

- Ahmad Shabery Cheek (ed.), 1996, *Warisan Shariati*, Petaling Jaya: Ikraq.
- Ali Rahnema, 1994, Para Perintis Zaman Baru Islam, Bandung. Penerbit Mizan.
- Asaf Hussain, 1985, *Islamic Iran-Revolution and Counter- Revolution*, New York: St. Martiris Press.
- Chehabi, H.E, 1990, *Iranian Politics And Religious Modernism*, London: I.B Tauris & Co Ltd Publisher
- Fadhlullah Jamil, 2000, *Islam Di Asia Barat Moden: Sejarah Penjajahan Dan Pergolakan*, Bangi: Percetakan Putrajaya.
- Hamid Algar, 1983, *The Roots of The Islamic Revolution*. London: The Open Press.
- Hooshang Amirahmadi, Monoucher Parvin (ed.), 1988, *Post Revolutionary Iran*, London: Westview Press Boulder.
- Ira .M.Lapidus, 1988, *Sejarah Sosial Umat Islam*, Jakarta: PTGrafirdo Persada.
- Kedourie, E., Haim, S. G. 1980, *Towards A Modern Iran, Studies in Thought, Politics and Society*, London: Frank Cass Company Limited.
- Mohammad Redzuan Othman (terj),1991, *Timur Tengah Dan Afrika Utara Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohsein Milani, 1994, *The Making of Islamic Revolution (from Monarchy to Islamic Republic*, Oxford: Westview Press.
- Mehran Kamrara,1990, *Revolution in Iran: The Roots of Turmoil*, New York: Routledge.
- Nasir Tamara, 1980, *Revolusi Iran*, Jakarta: Sinar Harapan.
- Richard.Y, 1991, *Shi'ite Islam*, Oxford: Blackwell Press.
- Sayyid Muhibbuddin Al-Khatiib, 1986, *Asas-Asas Mazhab Syiah Imam 12 Belas (Imamiah)*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sepehr Zabih, 1982, *The Mossadegh Era*, Illinois: Lake View Press.

Wright, R. 1989, *In The Name Of God The Khomeini Decade*, London: Bloomsbury Publishing Limited.

**b) Laman Web:**

"Ali Shariati" <[http://www.biographicon.com/view/wsq3f/Ali\\_Shariati](http://www.biographicon.com/view/wsq3f/Ali_Shariati)> diakses pada 20 April 2009.

"Ali Shariati: The Architect of the 1979 Islamic Revolution of Iran" <<http://www.jstor.org/stable/4310540>> diakses pada 29 April 2009.

"Ali Shariati: Islamic Fundamentalist, Marxist Ideologist and Sufi Mystic" <<http://www.angelfire.com/az/vescon/ALISHAR.html>> diakses pada 22 Mac 2009

"An Approach to the Understanding of Islam" <<http://www.shariati.com/lesson1.html>> diakses pada 22 Mac 2009.

"Critical Religious Reason" <<http://them.polylog.org/4/fma-en.htm>> diakses pada 17 April 2009.

"Dr Ali Shariati & Falsafah Haji" <<http://www.wordpress.dr-ali-shariati-falsafah-haji.html>> diakses pada 15 Mei 2008.

"Islamology: The Basic Design for A School of Thought And Action" <<http://www.shariati.com//islamgyl.html>> diakses pada 5 April 2009.

The "Westoxication" of Iran: Depictions and Reactions of Behrangi, al-e Ahmad, and Shariati <<http://www.jstor.org/stable/162924>> diakses pada 20 April 2008.

"Kepentingan Ideologi Dalam Usaha Menjatuhkan Sistem: Kes Iran" <[http://harakahdaily.net/index.php?option=com\\_content&task=view&id=1805&itemid=39](http://harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=view&id=1805&itemid=39)> diakses pada 7 Mei 2009.

"Wawancara 30 tahun Syahidnya Ali Syariati" <<http://ahmadsahidin.wordpress.com/2008/12/03/wawancara-30-tahun-syahidnya-ali-syariati>> diakses pada 5 Mei 2009.